



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HUSSIN BIN HASSAN  
BEKAS PENJAGA MASJID KAMPUNG LAUT

OLEH:

MUHAMMAD IKMAL HANIF BIN MOHD HAMIDI

2017346489

RABI'ATUL ADAWIAH BINTI ZAINUSSUBHI

2017338275

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER O5 (FEB 2019 - JULY 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HUSSIN BIN HASSAN  
BEKAS PENJAGA MASJID KAMPUNG LAUT

OLEH:

MUHAMMAD IKMAL HANIF BIN MOHD HAMIDI	2017346489
RABI'ATUL ADAWIAH BINTI ZAINUSSUBHI	2017338275

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER O5 (FEB 2019 - JULY 2019)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah nikmat dan kurnia Nya dapat kami menyiapkan tugas bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604). Terdapat banyak cabaran dan dugaan yang kami hadapi sepanjang menyiapkan tugas ini. Berkat pertolongan dari Nya, akhirnya kami berjaya menghantar tugas ini tepat pada masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih kami kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604, Puan NurulAnnisa Abdullah yang telah memberi tunjuk ajar serta menurunkan segala ilmu kepada kami demi menyiapkan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau kerana tidak jemu memberi dorongan dan nasihat kepada kami sehingga kami bersemangat untuk melakukan tugas ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada insan yang ditemubual oleh kami iaitu Encik Hussin bin Hassan, bekas penjaga Masjid Kampung Laut atas kerjasama dan masa yang diluahkan kepada kami. Tidak dilupakan juga kepada Encik Azlan Insani bin Derahman , penjaga terkini Masjid Kampung Laut kerana membantu kami dengan memberi maklumat mengenai Encik Hussin untuk kami lengkapkan transkrip ini.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutana kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pendapat dalam melengkapkan dan menyiapkan tugas subjek ini. Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hussin bin Hassan, mengenai latar belakang sejarah Masjid Kampung Laut. Temubual bersama beliau ini telah dilakukan didalam Masjid Kampung Laut, Nilam Puri, Kelantan pada pukul 11.30 pagi. Encik Husin bin Hassan merupakan bekas penjaga Masjid Kampung Laut yang mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan tentang sejarah-sejarah masjid ini. Selain itu, didalam transkrip ini juga, kami menyelitkan sedikit maklumat mengenai latar belakang beliau, sejarah pendidikan dan juga pengalaman kerjaya beliau. Di samping itu juga, beliau turut menceritakan cabaran dan kesukaran beliau sepanjang menjadi penjaga kepada masjid ini. Beliau juga turut memberikan pesanan dan harapan kepada masyarakat dan generasi pada masa kini agar tidak melupakan kisah sejarah islam yang terdapat di negara ini.

**Kata kunci:** Encik Hussin bin Hassan, Encik Hussin dan Masjid Kampung Laut.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>i</b>
<b>Abstrak</b>	<b>iii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>v</b>
<b>Biodata Tokoh</b>	<b>viii</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>x</b>
<b>Transkrip</b>	
<b>Bahagian A:</b>	
<b>Latar Belakang</b>	<b>2</b>
<b>Bahagian B:</b>	
<b>Sejarah Pendidikan</b>	<b>4</b>
<b>Bahagian C:</b>	
<b>Kerjaya Terkini</b>	<b>5</b>
<b>Bahagian D:</b>	
<b>Sejarah Bangunan</b>	<b>7</b>
<b>Bahagian E:</b>	
<b>Maklumat Lain Menegenai Bangunan</b>	<b>14</b>
<b>Bahagian F:</b>	
<b>Reka Bentuk Bangunan</b>	<b>29</b>
<b>Bahagin G:</b>	
<b>Aktiviti dan Perkhidmatan</b>	<b>31</b>
<b>Bahagian H:</b>	
<b>Maklumat Penganugerahan dan Kejayaan Masjid</b>	<b>32</b>
<b>Bagaian I:</b>	
<b>Pesanan dan Harapan</b>	<b>34</b>



**TAJUK****MUKA SURAT****Lampiran**

<b>Log Wawancara</b>	<b>42</b>
<b>Diari Kajian</b>	<b>47</b>
<b>Senarai Soalan</b>	<b>49</b>
<b>Surat Perjanjian</b>	<b>54</b>
<b>Gambar</b>	<b>55</b>
<b>Indeks</b>	<b>58</b>

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Nama : Hussin bin Hassan  
Umur : 67 Tahun  
Tempat Lahir : Kampung Ubudiyah, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.  
Tahun Lahir : 1952  
Alamat Rumah : Kampung Ubudiyah, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.  
Bilangan Adik-beradik : 7 beradik, anak ke-5  
Keturunan : Melayu  
Agama : Islam  
Jawatan : Bekas Penjaga Masjid Kampung Laut  
Telefon Bimbit : 013-966####

# **PENGENALAN**

## Pengenalan

Transkrip temubual bersama Encik Hussin bin Hassan telah dijalankan pada 21 April 2019 pada pukul 11:30 pagi bertempat di Masjid Kampung Laut, Nilam Puri, Kelantan. Temubual bersama Encik Hussin bin Hassan dijalankan selama 1 jam 30 minit. Sesi temubual ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah bangunan Masjid Kampung Laut.

Encik Hussin bin Hassan dilahirkan di Kampung Ubudiyah, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1952. Beliau mempunyai tujuh bilangan adik-beradik dan beliau adalah anak yang ke lima. Encik Hussin telah mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah dan juga telah menamatkan persekolahan diperingkat sekolah menengah. Beliau mula berkerja seawal usia 22 tahun.

Kerjaya beliau bermula setelah beliau menamatkan pelajaran diperingkat sekolah menengah. Beliau menyandang jawatan sebagai guru dan beliau mempunyai kerja sampingan bersama MARA, dibahagian Belia dan Sukan. Beliau telah berkhidmat di ITM selama empat belas tahun dan berhenti pada tahun 1974 sehingga 1988. Beliau juga mempunyai kerja sampingan yang lain sebelum menjadi penjaga Masjid Kampung Laut.

Dalam sesi temubual ini, beliau telah menceritakan dan berkongsi maklumat sejarah mengenai Masjid Kampung Laut ini. Penglibatan beliau dengan Masjid Kampung Laut ini bermula apabila beliau mendapat tawaran bekerja disini setelah petugas Masjid ini telah dibuang kerja oleh pihak muzium.

Selain itu juga, Encik Hussin juga telah menceritakan tentang bagaimana masjid ini boleh dibina dan kenapa masjid ini diberi nama Masjid Kampung Laut. Masjid ini pada mulanya terletak di sebuah kampung yang bernama Kampung Laut. Ia juga merupakan kampung tertua di negeri Kelantan. Kampung ini pada asalnya adalah tempat berdagang kain batik, keropok, kain jawa dan sebagainya. Menurut beliau, terdapat sebuah kapal dagangan para ulama daripada Jawa telah bocor dan hampir karam. Maka salah seorang daripadanya bernazar, sekiranya mereka selamat sampai ke tepi tebing sungai, mereka akan membina sebuah masjid disitu. Maka terbinalah Masjid Kampung Laut kerana para pedagang itu selamat mendarat.

Disamping itu juga, Encik Hussin memberi beberapa pesanan dan harapan kepada masyarakat setempat supaya lebih mengenali dan mengetahui tentang sejarah-sejarah di negeri Kelantan dan berharap agar masyarakat dan anak muda dapat memelihara sejarah yang ada.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Ikmal Hanif bin Mohd Hamidi dan Rabi'atul Adawiah binti Zainussubhi bersama Encik Hussin bin Hassan sebagai bekas penjaga masjid mengenai sejarah penubuhan Masjid Kampung Laut yang ditubuhkan pada abad ke-19 sehingga kini. Temubual ini dijalankan di Masjid Kampung Laut pada 21 April 2019.

Pentujuk:  
CH: Cikgu Hussin  
IH: Ikmal Hanif

## BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

**IH : Bolehkah kami tahu nama penuh Cikgu?**

CH : Assalamualaikum, nama penuh saya Hussin Bin Hassan, bertugas di Masjid Kampung Laut dan telah tamat *dua puluh tujuh belas* (2017), umur *enam puluh tujuh* [67] tahun. Berasal daripada Kampung Ubudiyah Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

**IH : Adakah cikgu mempunyai nama panggilan ataupun nama samaran?**

CH : Nama samara biasalah, *ado* [ada] *setengah* [sesetengah] *tu* [itu] panggil pokcik, poksini. *Ado* [ada] yang kenal kenal *tu* [itu], *hok* [yang] *lamo lamo* [lama lama] *tu* [itu] panggil cikgu hussin, cikgu sin dan di kampung *ni* [ini] *ado* [ada] *setengah* [sesetengah] *tu* [itu] panggil rudy, banyak nama saya [sambil ketawa] *kalu* [kalau]



*nok* [nak] *kiro* [kira] *tu* [itu] *meme* [memang] ada *duo tiga belas* (dua belas atau tiga belas) dari pada *kito* [kita] *omor* (umur), *omor* [umur], kecik lagi, daripada kecik lagi sehingga *tuo* [tua] *doh* [dah] *ni* [ini], *namo* [nama] *tu* [itu] *banyak* [banyak].

**IH : Apakah nama ibu dan bapa cikgu?**

CH : *Namo* [nama] ibu Maimunah binti Che Hassan dan *namo* [nama] bapa Hassan bin Che Ka, telah meninggal *duo* [dua] puluh [20], *duo* [dua] puluh [20] tahun *lepas* [lepas].

**IH : Berapakah bilangan adik beradik cikgu?**

CH : Bilangan adik beradik semuanya tujuh *ore* [orang], saya yang ke lima (5).

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

**IH : Dimanakah cikgu mendapat pendidikan sekolah rendah?**

CH : *Hok* [yang] *tu* [itu] *sayo* [saya] *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] *bui* [bagi] *tu* [itu], ada sebab sebab tertentu.

**IH : Pada tahun berapakah cikgu tamat sekolah?**

CH : Tamat *skolah* [sekolah] tahun – *sayo* [saya] *tok* [tak] ingat.

**IH : Adakah cikgu menyambung pelajaran di universiti selepas tamat sekolah?**

CH : *Sayo* [saya] tak dapat menyambung pelajaran ke universiti kerana *ado* [ada] *masaloh masaloh* [masalah-masalah] keluarga, *masaloh* [masalah] kewangan *semaso* [semasa] *tu* [itu].

**TAMAT BAHAGIAN B**

## **BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI**

**IH : Apakah pekerjaan pertama cikgu?**

CH : Buat masa sekarang ni, selepas saya tamat tugas di Masjid Kampung Laut, *ado* [ada] buat perniagaan kecil kecilan secara keluarga.

**IH : Pada umur berapakah cikgu mula berkerja?**

CH : Saya berkerja pada tahun berapa eh [sambil berfikir] - *tujuh puluh pat (74)* saya *raso* [rasa].

**IH : Apakah jawatan yang disandang oleh cikgu semasa bekerja?**

CH : Jawatan disandang sebagai guru dan kerja sampingan tu saya bertugas dengan MARA, Belia dan Sukan, mengajar *gitu* [begitu].

**IH : Adakah cikgu berasa gembira dengan pekerjaan pada masa itu?**

CH : Buat *maso* [masa] *tu* [itu] *sayo* [saya] *raso* dah *kijo* [kerja] terbaik lah, *kalu* [kalau] *kiro* [kira] buat *maso* [ini] *ni* [ini] pun memang *kijo* [kerja] selain daripada mengajar ataupun sekolah saya rasa tidak ada lain lah bekerja yang paling senang paling mudah untuk berkhidmat untuk bangsa berjaya.

**IH : Berapa lamakah cikgu berkhidmat di tempat kerja?**

CH : Saya berkhidmat di ITM tu lebih kurang 14 tahun, 14 tahun. *Sayo bereti* [berhenti] daripada tahun *tujuh puluh [74]* hingga *lapan puluh lapan [88]* tak silap.

**IH : Adakah cikgu mempunyai pekerjaan lain selain daripada menjadi cikgu pada masa itu?**

CH : Semasa sayosampingan tu, ado sebuah kedai, kedai advertising, buat signboard, label-label, spanduk [sepanduk] pado *maso* [masa] *tu* [itu].

**IH : Bagaimanakah cikgu boleh terlibat dengan Masjid Kampung Laut?**

CH : *Sayo* [saya] nya, *maso* [masa] *tu* [itu] *ado* [ada] pekerja di -- petugas di Masjid Kampung Laut, jadi didapati pekerja *tu* [itu] dibuang kerja. Jadi pihak muzium mencari *sayo* [saya] lah, *buke* [bukan] *sayo* [saya] *mintok* [minta] *deh*, *dio* [dia] *bui* [bagi], mencari saya untuk awasi sekitar masjid lah.

**IH : Siapakah idola cikgu pada masa itu?**

CH : *Sayo* [saya] rasa tidak *ado* [ada] – pihak muzium lah.

**IH : Mengapakah cikgu menjadikan beliau sebagai idola?**

CH : Kerana lebih baik mengetahui pihak masjid lah dan sejarah sejarah banyak. Dan saya dapat pengetahuan banyaklah daripada bekas pengarah pengarah MAIK [Majlis Agama Islam Klantan], dia *tu* [itu] lah saya membaca dan memberi pengetahuan kepada sesiapa datang ke masjid untuk dapat maklumat maklumat sejarah masjid.

**TAMAT BAHAGIAN C**

## **BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN**

**IH : Mengapakah masjid ini ditubuhkan?**

CH : Masjid Kampun Laut berada di Kampung Laut, Kampung Laut *tu* [itu] kampung tertua di negeri Kelantan. Jadi *cerito* [cerita] *nyo* [nya], sebelum Masjid Kampung Laut *ni* [ini] tubuh, di kampung laut adalah tempat dagangan seperti keropok, kain, batik, kain jawa dan sebagainya lah. Jadi pedagang-pedagang daripada Pattani, Kemboja, Jawa datang untuk membeli barangan dagangan nya ke kampung Laut. Jadi, suatu *maso* [masa] pedagang daripada ahli ulama' lah daripada Jawa, kapal sampai di tengah sungai didapati kapal nya bocor dan salah seorang daripada ulama' ni bernazar lah sekiranya dapat membaik pulih dan berhenti dimana mana muara terdekat akan berlayar dan singgah, dan akan dirikan sebuah Masjid. Jadi ulama' ni bernazar lah, jadi dapatlah baikpulihan kapal yang bocor tadi dan mereka berlayar singgah di kampung terdekat, Kampung Laut.

**IH : Pada tahun berapakah Masjid Kampung Laut *ni* [ini] dibina?**

CH : Bila sampai di Kampung Laut, jadi ahli ulama' *tu* [itu] bertemu dengan penduduk setempat dan kemudian berbincang untuk mendirikan sebuah masjid. Jadi, penduduk setempat setuju untuk mendirikan sebuah Masjid dengan *pat* [4] *bate* [batang] tiang, *pat* [4] *bate* [batang] tiang besar lah denga [dengan] atap rumbia, takdok [tiada] atap bato [bata].

**IH : Tahun berapa *tu* [itu] masa *tu* [itu]?**

CH : Tahun *tu* [itu] tidak dapat, *takdok* [tiada] *dale* [dalam] sejarah.

**IH : Okay soalan seterusnya, apakah masjid ini mempunyai nama lain selain daripada nama Masjid Kampung Laut? Nama samaran?**

CH : Masjid Kampung Laut selain daripada nama Masjid Kampung Laut jadi kekal *sapa* [sampai] harini tidak ada *namo* [nama] yang ditampal ataupun dipenuhi selain Masjid Kampung Laut.

**IH : Okay soalan seterusnya, dimanakah lokasi sebenar masjid ini sebelum ia pindah disini?**

CH : Masjid Kampung Laut asalnya berada di Kampung Laut daipada Kampung Laut ke Nilam Puri lebih kurang *duo puluh pat* [24] *kilo* [Kilometer].

**IH : Okay soalan seterusnya, siapakah yang terlibat dengan pembinaan Masjid ini?**

CH : Terlibat membina Masjid Kampung Laut, beberapa orang tukang seni halus daripada Bunut Payung namanya Hussin dan beberapa ahli-ahli tukang lah tukang seni halus dipanggil untuk mendirikan sebuah masjid dan dibuat ukiran senibina yang tertentu masa *tu* [itu].

**IH : Soalan seterusnya, mengapakah masjid ini dipindahkan disini, sekarang ni lah tempat sekarang ni?**

CH : Masjid Kampung Laut, *maso* [masa] tu masjid tu *kiro* [kira] maju lah ramai ulama'-ulama', pelajar dan pengajar daripada Petani daripada Thailand sana. Jadi kemudian, *dale* [dalam] tahun *sembilan belas, sembilan belas enam puluh* [1960] akhir tahun *tujuh puluh* [70], *enam puluh tujuh* [67] banjir besar melanda di kawasan Kampung Laut dan sekitar kawasan lah. Jadi, dibahagian depannya roboh jatuh ke dalam sungai bahagian depannya dan untuk menyelamatkan masjid daripada hakisan tebing tadi, jadi ahli Jabatan Warisan Negara pergi mengunjung ke tempat kejadian dan kajian untuk dapat baik pulih semula dan untuk mengalih masjid *tu* [itu], jadi Jabatan Warisan pergi ke pejabat Jajahan Kota Bharu untuk cadangan, Pejabat Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah. Jadi dipersetujui oleh Pejabat Tanah, tanahnya ada rizab di Nilam Puri di tepi *jale* [jalan] besar Kota Bharu ke KL [Kuala Lumpur], sesuai lah dengan tempat strategik laluan *jale* [jalan] tu [itu], tempat yang akan dipindah.

**IH : Soalan seterusnya, berapa lama kah masa diambil untuk menyiapkan masjid ini?**

CH : Dalam tahun *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967], masjid ini dipindah melalui ribuan. Masjid Kampung Laut dia istimewa dia tidak menggunakan paku, dia tidak menggunakan paku, dia menggunakan *pasok*, kayu buluh *sajo* [sahaja]. Kemudian untuk memindahkan masjid menggunakan kapal lah, kapal sungai ke bawah jambatan Sultan Yahya. Dan Masjid ini didirikan dibaikpulihan dan pada tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970], *tujuh puluh* [70], *enam puluh sembilan* [69] didirikan dan kemudian siap dalam tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] dirasmi oleh Dato' Asri Haji Muda Menteri Besar Negeri Kelantan.

**IH : Soalan seterusnya, pada tahun berapa masjid ini berpindah lokasi?  
Berpindah ke sini? Dulu Masjid tu di Kampung Laut lepas tu pindah ke  
Nilam Puri lepas tu berpindah ke sini kan? Tahun berapa? Nak tahu tahun  
berapa?**

CH : Tahun *enam puluh lapan* [68].

**IH : *Enam puluh lapan* [68] berpindah ke?**

CH : *Dua* [2] tahun, tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] siap dirasmikan oleh Dato  
Asri Haji Muda Menteri Besar Kelantan.

**IH : Soalan seterusnya, berapakah keluasan tapak masjid baru *ni* [ini] setelah  
berpindah lokasi?**

CH : *Tapok* [tapak] asal yang di pindah di Nilam Puri suku *ekar* [hektar] lah.

**IH : Soalan seterusnya, mengapakah lokasi *ni* [ini] menjadi pilihan untuk  
memindahkan masjid ini?**

CH : Lokasi yang dipilih di Nilam Puri *maso* [masa] masjid berlaku, jadi sesuai *kerano*  
[kerana] tempat *ni* [ini] adalah tanah rizab, tanah rizab kerajaan negeri hampir  
dengan danau, *maso* tu tidak ada projek tidak ada perancangan, tidak ada  
*apo-apo* [apa-apa] projek. Jadi sesuai lah untuk mendirikan masjid kerana  
berada di tepi jale besar.

**IH : Soalan seterusnya, apakah masalah ataupun halangan yang dihadapi  
semasa membina Masjid ini?**



CH : Perbelanjaan didapati dipungut daripada jabatan kerajaan, JKR [Jabatan Kerja Raya] dan jabatan-jabatan dan orang ramai untuk menampung dan baikpulih ataupun ganti yang rosak, baikpulih barang yang rosak. Jadi, dapat berjumlah lebih kurang RM150,000 *maso* [masa] tu.

**IH : Soalan seterusnya, apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membina masjid ini?**

CH : Bahan-bahannya bina masjid. Pertama nya kayu, jadi masjid ni dibuat daripada kayu cengal (telefon berbunyi) --

**IH : Soalan tadi, bahan yang digunakan untuk membina masjid ini?**

CH : Oh, bahan yang digunakan untuk baikpulih semula masjid ini diganti yang rosak kayu, kayu dan bata. Bata tu masa tu bata semua masjid ni gunakan bata, bata tanah yang diperbuat daripada tanah.

**IH : Seterusnya, apakah bahan yang digunakan untuk membina lantai masjid? Ruang dalam masjid ni lah, lantai dia.**

CH : Lantai tu kayu cengal *jugok* [juga] dan kayu cengal tu *maso* [masa] dulu ia tidak menggunakan alat-alat moden, *takdok* [tiada] lah.

**IH : Seterusnya, siapakah yang memberi idea untuk membina Masjid ini?**

CH : Jadi Masjid Kampung Laut ini adalah masjid yang tertua di Asia lah. Jadi untuk memelihara masjid ini lebih baik dan lebih lamo untuk pengetahuan untuk

masyarakat sejarah, jadi kerajaan negeri lah, kerajaan negeri jabatan tanah dan pihak muzium dapat ditawarkan –

**IH : Soalan seterusnya, siapakah yang merasmikan masjid?**

CH : Masjid ni dirasmikan oleh Menteri Besar Dato' Asri Haji Muda dalam tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970]

**IH : Soalan seterusnya, dari manakah nama masjid ini berasal?**

CH : Nama Masjid Kampung Laut berasal nya di Kampung Laut. Jadi *namo* [nama] tu *dibubuh* [diletak], kampung *tu* [itu] dah sedia ada dah situ. Jadi masjid didirikan di Kampung Laut, jadi namanya Masjid Kampung Laut lah, jadinya Kampung Laut adalah kampung tertua di negeri Kelantan.

**IH : Soalan seterusnya, berapakah kos yang telah digunakan bagi membina masjid ini?**

CH : Kos yang digunakan lebih kurang RM100 juta. Jadi bahan-bahannya separuh lah, jadi *hok* [yang] sedia nya *bawok* [bawa] daripada *hok* [yang] asal lah, *hok* [yang] baru tu ganti *hok* [yang] rusak [rosak], tambah lebih kurang seratus [100] zink.

**IH : Maknanya bahan asal ni yang mana? Bahan yang asal.**

CH : *Hok* [yang] asal nya seperti tiang dan bahagian-bahagian kayu yang atas lah.

**IH : Seterusnya, apakah objektif awal penubuhan masjid ini? Sebab-sebab lah kenapa masjid ini ditubuhkan?**

CH : Jadi ulama'-ulama' daripada pendagangan datang ke sini dan bernazar, jadi ulama' *ni* [ini] bernazar perahu bocor tu, salah seorang daripada ulama' bernazar untuk mendirikan masjid bila sampai di suatu tempat yang terdekat lah.

**IH : Soalan seterusnya, apakah misi dan visi untuk dicapai oleh masjid ini?**

CH : Masjid ni pihak muzium sedia untuk pihak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra], dalam jagaan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] kiranya ada aktiviti-aktiviti seperti pertandingan-petandingan membaca Quran ke ataupun azan ke mandi jenazah ke dianjurkan oleh MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan], mandi jenazah dan baru ni [baru-baru ini] Tengku Temenggung Kelantan datang ke masjid untuk menunaikan hajat *semaye* [solat] *dhuha sepuluh* [10] pagi dalam tahun *dua puluh enam belas* [2016].

**IH : Seterusnya, apakah terdapat bangunan lain yang berada di kawasan ini sebelum masjid ini dibina?**

CH : Jadi sebelum masjid ini dipindah dan *bui* [bagi] cadangan, jadi tapak *ni* [ini] kosong tidak ada bangunan *apo-apo* [apa-apa] hanya hutan, pokok, perkampungan orang dulu-dulu.

**TAMAT BAHAGIAN D**

## BAHAGIAN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN

**IH : Pertama sekali, pada tahun berapa Masjid ini mula dibuka kepada orang ramai?**

CH : Jadi selepas dirasmi oleh Dato' Asri dale [dalam] masjid ni, *dale* [dalam] tahun *tujuh puluh* [70] lah, tahun *tujuh puluh* [70] dan seterusnya digunapakai untuk semua pelawat pelajar, siang dan malam masjid ni tidok ado – open, *tok* [tidak] bertutup *dua puluh empat jam* [24jam]

**IH : Berapakah kos pembayaran elektrik pada setiap bulan? Elektrik untuk masjid ni.**

CH : Buat maso [masa] sekarang ni, masjid kos bayaran *api* [elektrik] dan air empat lima enam ratus [RM400 hingga ke RM600] jugok [juga] lebih kure [kurang] satu bule [bulan]

**IH : Adakah terdapat kos-kos yang lain selain daripada elektrik dan air?**

CH : Kos yang lain *tidok* [tidak] *ado* [ada] lah, jadi tabung tu kita *doh* [dah] *seroh* [bagi] *ko* [ke] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *doh* [dah], masjid *ni* [ini] muzium *seroh* [bagi] *ko* [ke] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *doh* [dah], jadi *collection* [kutipan] daripada tabung nya KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah *collect* [kutip].

**IH : Soalan seterusnya, apakah yang menjadi simbol utama pada masjid ini?  
Simbol, *bilo* [bila] *ore* [orang] tengok simbol tu [itu] *ore* [orang] tahu ni [ini]  
Masjid Kampung Laut, *ado* [ada] simbol.**

CH : Jadi simbol utama *nyo* [nya] didapati pelawat-pelawat daripada luar *negaro* [negara] boleh katakan seluruh lah datang ke masjid, jadi simbol Masjid Kampung Laut masjid tertua di Asia dan di -- dan *tidok* [tdak] menggunakan paku menggunakan *pasok* [pasak] *sahajo* [sahaja] dan lain-lain seperti pintu, tingkap, tingkap gunakan ensel - *ado* ensel jadi *kalu* [kalau] *kito* [kita] *nok* [nak] keluar *dale* [dalam] masa dua puluh [20] menit [minit] boleh keluar, cabut. *Tu* [itu] lah simbol masjid.

**IH : Soalan seterusnya, siapakah yang bertanggungjawab keatas penyelenggaraan masjid ini?**

CH : Buat masa sekarang ni, penyelenggaraannya daripada KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah, jadi *pihok* [pihak] muzium *seroh* [serah], *ado* [ada] kerosakan *apo-apo* [apa-apa], benda *ni* [ini] hendaklah buat laporan ke KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah *kalu* [kalau] *ado* [ada] kerosakan bato [batu bata] ke air-air ke paip-paip rosak ke alat-alat *gapo* [apa] terpaksa lah kerjasama lah untuk baikpulih, baiki. Makna masjid ni *sentiaso* [sentiasa] dijaga lah dibersih dan dicari mana yang rosak atau perlu dibaiki. Itu lah.

**IH : Seterusnya, siapakah ahli jawatankuasa tertinggi di masjid ini? AJK masjid.**

CH : KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah, KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah yang bertanggungjawab *ado* [ada] aktiviti *gapo* [apa] ke.

**IH : Seterusnya, mengapakah mereka dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi untuk masjid ini?**

CH : Jadi ahli jawatankuasa dilantik jabatan-jabatan daripada luar-luar daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] *ado* [ada] pengurusan di atas masjid ini aktiviti seperti buat pertandingan azan, pengurusan jenazah, jadi terpaksa lah melantik *ado* [ada] *apo-apo* [apa-apa] daripada luar daripada pelajar-pelajar ke jabatan-jabatan ke terpaksa *ado* [ada].

**IH : Soalan seterusnya, berapa ramaikah petugas yang dilantik untuk menjaga masjid ini?**

CH : Petugas ni sekarang *ni* [ini] *sore* [seorang] lah dan diawasi oleh beberapa *ore* [orang] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] wakil KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] dan pelajar-pelajar *ado* [ada] juga bertugas di masjid ni mengikut jadual lah yang dibuat.

**IH : Seterusnya, adakah setiap orang yang bertugas memiliki tugas yang berbeza?**

CH : Seperti mana tadi pelajar tu bertugas *nyo* [nya] hari jumaat lah, hari jumaat.  
Kebanyakannya daripada penjaga lah yang menguruskan masjid. Boleh *kato*  
[kata] *bendo* [benda] yang boleh dibuat *dio* [dia] buat.

**IH : Seterusnya, berapakah pembayar gaji yang dibuat oleh pihak KIAS kepada  
petugas, kepada petugas penjaga Masjid?**

CH : Bayaran gaji *tu* [itu] muzium bayar.

**IH : Pihak muzium bayar?**

CH : *Ho* [ya] pihak muzium bayar, jadi dia [KIAS] jagaan *sajo* [sahaja], jagaan dan  
mengawasi masjid lah pihak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail  
Petra].

**IH : Seterusnya selain menjadi tempat bersejarah, apakah fungsi lain masjid  
ini kepada orang ramai?**

CH : Fungsi lain untuk *ore* [orang] ramai – jadi dibahagian depan tu, bahagian depan  
beroperasi kantin tu dulunya tempat penginapan pengunjung, operasi tempat  
penginapan pengunjung, persinggahan semasa melawat. Sekarang ni diambil  
oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah untuk buat operasi  
kantin, jadi kita pihak muzium tak dapat buat apa-apa lah penjaga pun tutup  
mulut lah [sambil ketawa].

**IH : Seterusnya, apakah terdapat fasiliti ataupun kemudahan yang lain yang  
ada di masjid ini?**

CH : Jadi sumbangan tu daripada luar, jadi sekarang ni terbaru *nyo* [nya] air tapis ni lah, air tapis disumbang oleh doktor daripada Johor. Jadi semua *nyo* [nya] dibayar, dibaikpulih ataupun *diservis*, dia tanggung semua. Dan di – takdok [tiada] lah, tempat yang pusingan ataupun tempat untuk menunggu pelajar pun di di wakaf tu lah, ibu bapa menunggu pelajar berehat, pengunjung.

**IH : Yang tu yang baru ke?**

CH : Yang selepas dirikan masjid ni, buat wakaf tu kemudian.

**IH : Kira tandas semua tu baru lagilah?**

CH : Tandas tu barulah, *sudoh* [sudah] masjid maknanya sekali lah. Jadi apabila *ado* [ada] masjid mesti *ado* [ada] tandas dan *koloh* [kolah].

**IH : Soalan seterusnya adakah masjid ini sepenuhnya dimiliki oleh muzium negeri atau kerajaan negeri?**

CH : Jadi muzium – Masjid Kampung Laut ni dijaga di – tanggungjawab pihak muzium jadi bawah muzium lah masjid ni. Jadi jagaan saja, jagaan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra].

**IH : Seterusnya, adakah masjid ini pernah mengalami kerosakan seperti kebocoran bumbung dan lain lain?**

CH : Semasa sayo [masa] bertugas dan sebelumnya didapati dikawasan bawah daripada bumbung daripada menara daripada buah kuntul, jadi tiap-tiap tahun dan semasa hujan lebat masa hujan turun didapati kawasannya dibahagian



bawah ni *sepuluh* [10] kaki bulatan *basoh* [basah]. Dan kemudian *sayo* [saya] *bui* [bagi] cadangan lah kepada pihak muzium untuk membaiki menggunakan *crane* [kren] untuk *cek* [periksa] dimana tempat bocor, sebelum daripada kita *cek* [periksa] *tu* [itu] kita buat *doh* [dah] di bahagian bawah ni bata-bata okay semua tapi tidak tahu dimana kesan punca air jatuh. Jadi ramai *doh* [dah] tukang-tukang naik habis duit *sajo* [sahaja] jadi *tidok* [tidak] berkesan. Jadi *sayo* [saya] pun *dok* fikir logik, *sayo* tanyo [tanya] buah kuntul tu, *sayo* [saya] tahu *doh* [dah] buah kuntul tu bukan batu, dibuat daripada kayu, potongan kayu. Jadi logik lah kalau bertahun-tahun tiga [3] empat [4] ratus tahun *doh* [dah] masjid ni hujan panas mungkin kayu akan *retok* [retak] dan apabila *retok* [retak] air nya akan masuk. Jadi *sayo* [saya] *bui* [cadangan] cadangan nya gunakan *crane* [kren], *crane* [kren] angkut lah untuk *cek* [periksa]. *Sayo* [saya] pun *bui* [bagi] cadangan *maso* [masa] mari empat [4] hari lah, empat [4] hari dan *sayo* [saya] pun, *bato* [batu bata] semua, 4 hari dia *ambik* [ambil] *maso* [masa] 4 hari bayar *seribu* [RM1000] *sari* [sehari] dan didapati untuk mengesan jadi *kito* [kita] *ambik* [ambil] air lah, *kito* [kita] *ambik* [ambil] air *kito* [kita] siram air ikut atas buah kuntul tadi dan tunggu dibahagian bawah *sore* [seorang], *meme* [memang] air tu jatuh daripada *sano* [sana] dan *kito* [kita] menggunakan cat *gapo* [apa] dan pastikan *tidok ado* [ada] satu titik air diatas.

**IH : Kiranya selain daripada tu ada lagi tak macam papan ke kayu ke?**

CH : Di bahagian luar ni *maso* [masa] *tu* [itu] syelek cat tanggal habis, cat tadi *ninggal* [tinggal] kayu *kito* [lita] buat warna nya *samo* [sama] lah *samo* [sama] dengan cat bahagian lain, cat bangunan – cat kayu ni seluruh bangunan masjid dan termasuk syelek bahagian dan wokah [wakaf]. Dan bahagian wokah [wakaf] tu untuk menghalang daripada pelajar menghalang daripada pengunjung-pengunjung masjid *kito* [kita] buat halangan besi tu [itu] di kawasan

masjid untuk mengelak daripada pelajar pelajar *muto* [motor], *muto* [motor] tu dio rapat letak dekat masjid dekat wokah [wakaf] tu keliling jadi pengunjung-pengunjung nok [nak] duduk pun susah. Itu untuk kebaikan lah kepada pengunjung-pengunjung.

**IH : Selain daripada tu macam kayu reput ke makan anai anai?**

CH : Kayu reput tu di bahagian menara tempat azan *nuh* [sana], di bahagian luar. Jadi papannya, papan dinding dah hancur tu *kito* [kita] cat lah baikpulih semua, baikpulih sampai ke harini ada beberapa keping jatuh. Dulu *dio* [dia] laung dengan mulut jah [sahaja] azan nya sekarang ni kalu [kalau] laung naik atas bawah [bawah] pun tok [tidak] dengar, dulu sebutir kampung tu dengar, dua tiga butir kampung dengar lagi. Jadi gangguan banyak, bunyi. Dan dibahagian depan tu dulu tidak ada mozek lah bahagian *bawoh* [bawah], mozek *tu* [itu] laluan tempat kasut *tu* [itu] *kito* *bui* [bagi] cadangan kepada tukang lah, jadi masjid *maso* [masa] *tu* [itu] *dio* [dia] *seroh* [serah] *sayo* [saya] dan *sayo* [saya] *bui* [bagi] cadangan untuk buat laluan berkasut. Jadi kadang-kadang pelajar-pelajar mari ramai-ramai daripada *skoloh* [sekolah] nak pergi ke tandas perempuan tu lalu *kok* [ikut] atas, ramai-ramai tadi lalu dengan kasut, *maso* [masa] *huje* [hujan] habis *selut* [kotor] jadi terpaksa kita – gangguan lah untuk *ore-ore* [orang-orang] *nok* [nak] *smaye* [solat], buat luas *satu* [1] kaki laluan. Dan *hok* [yang] baikpulih sekarang *ni* [ini] di bahagian depan *tu* [itu], tangga *tu* [itu] dulu dia *satu* [1] *jah* [sahaja], jadi dia buat *dua* [2] tambahannya untuk kemudahan naik turun lah, naik turun *kalu* [kalau] *ado* [ada] aktiviti *gapo* [apa] atas masjid ini jadi terpaksa tambahan lah buat *dua* [2].

**IH : Ada lagi?**

CH : Di tandas *tu* [itu] dulunya tandas *tu* [itu] dah baikpulih dah sekarang ni menggunakan simen lah, dulu dia gunakan kayu, kayu bentuk sama dengan dinding lah dan kita gunakan batu, jadi gunakan batu dan *lif* atau pun *line* tu supaya nampak senibina nya kayu lah, nampak klasik sikit.

**IH : Soalan seterusnya, berapakah jumlah Jemaah yang boleh dimuatkan dalam masjid ini pada satu masa?**

CH : Masjid ni selalu dalam satu kalau penuh semua lebih kurang tiga [3] empat [4] ratus juga lah.

**IH : Masjid ni buat sembahyang jumaat juga ke?**

CH : Masjid ni [ini] tidak menggunakan sembahyang jumaat, menggunakan sembahyang fardhu. Sembahyang jumaat tu *dok* [tidak] kita gunakan kerana hampir dengan masjid ni masjid asalnya yang boleh sembahyang jumaat.

**IH : Soalan seterusnya, berapa ramai anggaran Jemaah yang datang ke masjid pada setiap hari?**

CH : Dalam satu hari didapatinya, pertamanya pelajar pelajar KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah dan staff dan kakitangan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] dan ada juga daripada pengunjung-pengunjung mari *smaye* [solat] dhudha.

**IH : Berapa ramai?**

CH : Lebih kurang *seratus* [100] *ore* [orang].

**IH : Soalan seterusnya, pada waktu manakah bilangan jemaah datang ke masjid paling ramai?**

CH : Paling ramai masuk waktu lah, masuk waktu azan zohor dan waktu hari-hari lawatan, lawatan daripada *skolah-skolah* [sekolah-sekolah] naik masjid *ni* [ini] untuk tengok bahagian dalam masjid.

**IH : Soalan seterusnya, pernahkan sesiapa persoalkan tentang kewujudan masjid ini sebabnya kebanyakan orang tidak tahu tentang sejarah masjid ini?**

CH : Tidak ada *tu* [itu], tidak ada berita ataupun teguran ke, tapi ada juga semasa *kito* [kita] buat baikpulih haritu di bahagian atas nya di bahagian sisip angin *tu* [itu] yang *tu* [itu] (sambil menunjuk jari), jadi *maso* [masa] *tu* [itu] *sayo* [saya] tidak *ada* [ada] *maso* [masa] *tu* dan *maso* [masa] membaiki atap bata *tu sayo* [saya] takdok *maso* [masa] *tu*. Sisip angin bahagian bawah bumbung yang pertama *tu* bawah *tu* [itu] dia tinggal kosong *jah* [sahaja]. Selepas keesokan hari, *sayo* [saya] mari ada bata tersangkut dikeliling untuk menutup angin masuk keluar, jadi bata *tidak* [tidak] kekal sampai ke harini pun apabila angin terbang jatuh terabur di bahagian depan, terabur jatuh. Jadi penjaga masjid *tokleh* [tidak boleh] nak buat apa lah, jadi orang kata *kalu* [kalau] tengok masjid ni tidak terjaga, sebenarnya silap teknikal semasa buat baikpulih. Jadi *maso* [masa] *tu sayo* [saya] *sore* [seorang] *jago* [jaga] awasi jadi *tok* [tidak] cukup lah. Jadi kita bagi ke muzium balik lah untuk buang, buang balik sisip angin *tu* supaya kekal seperti sedia. Semasa tukang buat dulu dia dah kaji dah, dia kaji dah angin keluar masuk, sepertimana pintu *ni* [ini] pintu besar *empat* [4] *buah* [biji] pintu *ni* [ini] dibuat kebawah bukan tinggi. Jadi tujuannya apabila pengunjung ataupun *smaye* [solat] semasa *smaye* [solat] tahiyat *tu* [itu] jadi angin dapat masuk. Jadi dibina masuk dulu memang

unik lah elok, tanpa berlaku penggunaan pintu *sano* [sana] pun tidak ada, ia tidak ada, *hok* [yang] pintu besar pun takdok [tiada] esel, sebelah sana pintu jendela dia pakai takdok rudder kalau kito buka dia bunyi, dia bunyi (sambil buat bunyi) tapi tidak ada *rudder* [kemudi]. Jadi masalah masalah pengunjung masjid ni kata, dia kata takdok rudder dia kata "I see the window, open easy close easy", dia kata (sambil ketawa), *takdok* [tiada] pintu lah *kalu* [kalau] tengok. Apabila tutup, apabila pintu *close* [tutup] takdok [tiada] jadi dinding, situ keunikan pelawat-pelawat mari ambik gambar. Apabila kita buka dia bunyi (sambil buat bunyi), dia intai lagumano [macam mana] *grill gapo* [apa] *takdok* [tiada]. *Kalu* [kalau] kira dengan, masa tu [itu] bertahun tahun beratus tahun patut ada kesan, banyak lah kesan di atas *grill* tu [itu] ataupun atas pintu *tu* [itu] *bawoh* [bawah] pintu *tu* [itu], tapi tidak ada kesan. Itu istimewanya kayu cengal lah.

**IH : Soalan seterusnya, pernahkah masjid ini mengalami kerosakan teruk ketika berlaku bencana alam seperti banjir?**

CH : Banjir *dua puluh empat belas* [2014] tidak sampai banjir, tu [itu] banjir terbesar jadi tinggal seperti biasalah *tidok* [tidak] ada kawasan ni, kawasan ni *tok* [tidak] naik air. Dan kerosakan kecilnya seperti angin-angin tu [itu] biasalah bata ni [ini] dia terangkat, terangkat tu ada bata bata pecah tu [itu] patah *tu* [itu] jatuh lah. Jadi terpaksa penjaga *tu* [itu] baiki baikpulih bata yang kita ada sedia untuk diganti. Jadi bata tu dia banyak *lima ratus* [500], *lima ratus* [500] keping untuk patah ke pecah ke terpaksa kita kena naiklah baiki dan yang bawah ni yang atas tu tak boleh dah tak boleh nak buat apa apa dah. Jadi terpaksa dulu kita menggunakan *crane* [kren], *crane* [kren] angkut *tu* [itu] *cek* [periksa] atas *cek* [periksa] bawah apabila nampak cahaya *tu* [itu] bata *tu* [itu] memang pecah ataupun cahaya *tu* [itu] masuk, masuk memang air pun boleh masuk. Sebab itu kita cek [periksa] *haritu* [hari itu] sampai *takdok* [tiada] lubang, lubang cahaya *takdok* [tiada], tutup terus.

Dan sekarang ini bata ini benda itu tidok [tidak] mati, dia bergerak jadi terpaksa lah penjaga kena cek [periksa] tengok *hok* [yang] mana rendah rendah tu terpaksa kena naik tangga lah (sambil ketawa).

**IH : Soalan seterusnya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah yang berlaku?**

CH : Langkah yang perlu diambil setelah angin ke ribut hendaklah penjaga mencari lah di mana kerosakan bata. Jadi penjaga hendaklah mengawasi masa pengunjung pengunjung datang ke, dan pagar tu [itu] kalau mengikutnya pelajar-pelajar ataupun pengunjung ni [ini] dia tidak tahu menjaga, tidak tahu sayang pada benda lama jadi terpaksa kita mengawasi, mengawasi seperti air kolah paip air pasir semuanya.

**IH : Soalan seterusnya, siapakah yang menguruskan masjid ini jika berlaku bencana atau kerosakan?**

CH : Kalau kecil kecil *tu* [itu] penjaga lah, kalau besar besar *tu* [itu] kita kena lapor kepada KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ke muzium ke.

**IH : Soalan seterusnya, pernahkah masjid ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau kerosakan yang lain?**

CH : Setakat ni [ini] mungkin tidak ada lagi, *takdok* [tiada] lagi lah. Tapi sepertimana *supo* [macam] karpet *ni* [ini] *kalu* [kalau] rosak-rosak *tu* [itu] ada lah daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] ke sumbangan untuk ganti semula.

**IH : Maknanya macam karpet *ni* [ini] MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] bagi ke?**

CH : MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] bagi dan perseorangan pun ada juga bagi sumbangan seperti sejadah, karpet luar *tu* [itu].

**IH : Soalan seterusnya, pihak mana yang menguruskan petugas masjid ini bagi menjalankan tugas dengan teratur?**

CH : Sekarang ni masjid diurus oleh diawasi oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah. jadi diarah petugasnya sekiranya ada benda benda kecil kecil terpaksa kena buat lah, *hok* [yang] besar besar *tu* [itu] kita lapor kepada KIAS [Kolej Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ataupun muzium.

**IH : Seterusnya, pernahkah masjid ini dipecah masuk oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pencuri?**

CH : Jadi mana-mana masjid didapati pecah tabung *ni* [ini] ataupun pencuri tabung *ni* [ini] ada. Tapi masjid *ni* [ini] tidak terjaga malam, malam tidak ada -- open dua puluh empat jam [24jam]. Jadi ada lah *ore* [orang] duduk setempat *ni* [ini] salah seorang nya tidak siuman naik *gitu* [begitu] lah, naik *cek* [periksa], boleh kata *ore* [orang] tok [tidak] sihat, dia ambik *gitu* [begitu] *jah* [sahaja] lah. Jadi kita mengawasi *gitu* [begitu] *jah* [sahaja] lah, penjaga mengawasi, *cek* [periksa] kebetulan dia *temu* [jumpa] dia *hambat* [halau] dia larang, sekarang tidak ada dah.

**IH : Dulu ada lah?**

CH : Dulu ada.

**IH : Dia ambil duit ke?**

CH : Duit je [sahaja] lah, benda lain tu [itu] – ada jugak dalam masjid atau mana-mana masjid pun seperti kain, kain sarung pun hilang, selipar pun hilang. Jadi untuk mengawasi tu [itu] kalau [kalau] tidak ada penjaga duduk atas masjid ni [ini] akan berlaku lah mana-mana masjid mana-mana surau.

**IH : Soalan seterusnya, pernahkan berlaku kes penggelapan wang ataupun pecah amanah oleh ahli jawatankuasa masjid ini?**

CH : Setahu *sayo* [saya] *takdok* [tiada] lagi tu [itu]. *Takdok* [tiada] lagi.

**IH : Seterusnya, pernahkah masjid ini berlaku pengubahsuaian atau penambahan dalm ruang masjid ini?**

CH : Jadi penambahan nya di sebelah muslimat *tu* [itu] kita buat dinding, dinding menghalang daripada penglihatan pelajar pelajar lalu lalang. Kita tutup lah, tutup di sebelah dekat belakang.

**IH : Kalau dari segi pengubahsuaian?**

CH : Pengubahsuaian pihak muzium tidak benar lah, hanya untuk membaiki apa yang ada, apa yang ada kekal. *Kalu* [kalau] nak mari cat ke nak mari *bui* [bagi] karpet ke nak *bui* [bagi] alat alat kelengkapan masjid pihak muzium terima, kalau [kalau] nak ubahsuai nak tambah nak *gapo* [apa] pihak muzium tidak benarkan.



**IH : Soalan seteusnya, apakah ciri ciri keselamatan yang digunakan dalam masjid ini?**

CH : Ciri-cirinya hanya kita bagi label kata kata gitu [begitu] lah untuk mengingati pengunjung. Bila nak keluar pastikan lampu tutup *gitu* [begitu] lah, pasal masjid ni [ini] terbuka.

**IH : CCTV *takde* [tiada] lah?**

CH : CCTV *takdok* [tiada]. Jadi Masjid ni [ini] -- maknanya pelawat pelawat orang ramai datang ke masjid hendaklah menjaga, sentiasa kena jaga.

**IH : Seterusnya, adakah masjid ini mempunyai kelengkapan yang cukup bagi memastikan keselesaan pengunjung?**

CH : Jadi untuk keselesaan pengunjung terpaksa lah *kito* [kita] – jadi baru-baru ini ada sumbangan daripada doktor *bui* [bagi] karpas buat *hapar* [bentang] dalam masjid untuk kegunaan dalam ini.

**IH : Air tapis *tu* [itu] ada?**

CH : Jadi air tapis *tu* [itu] sumbangan daripada doktor lah, doktor daripada johor untuk kemudahan pelawat pelawat, ada air panas ada air sejuk.

**IH : Macam kipas ni?**

CH : Kipas ni maknanya sentiasa lah -- kalau ada sesiapa nak rehat kipas *tok* [tidak] tutup *gitu* [begitu] lah. Jadi kadang-kadang pelajar *ni* [ini] dia naik *sore* [seorang] pelajar sebuah kipas pusing, *sore* [seorang] pelajar sebuah kipas pusing. Jadi kadang-kadang *hok* [yang] *tu* [itu] kita tanda dah, tanda suruh tutup apabila buka dan *koloh* [kolah] tu pihak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] gunakan motor air, motor air untuk tapis, karpit untuk lap kaki. Jadi banyaklah sumbangan daripada pihak penjaga pun sedia juga kadang-kadang, sedia bagi benda yang mampu, benda kecil kecil.

**TAMAT BAHAGIAN E**

## **BAHAGIAN F: REKA BENTUK BANGUNAN**

**IH : Soalan pertamanya, adakah reka bentuk masjid ini telah diubahsuai?**

CH : (Sambil minum air) Reka bentuk masjid *ni* [ini] tidak ada reka bentuknya, kita tidak akan ubah dan kekal sepertimana di Kampung Laut, didirikan di Kampung Laut. Seni bina nya sama lah sepertimana terdapat di Kampung Laut. Jadi di bahagian depan saja runtuh tenggelam air terpaksa kena ubahsuai lah sikit, bahagian *ibu* [utama] *ni* [ini] kekal bumbung *tiga* [3] tingkat, seni bina melayu islam nusantara.

**IH : Soalan seterusnya, adakah masjid ini mempunyai rekaan tersendiri?**

CH : Original lah, tidak ada – semasa ahli-ahli seni halus, tukang-tukang *tu* [itu] dibuat daripada Kampung Laut lah.

**IH : Soalan seterusnya, adakah masjid ini dibina berasakan kayu dan papan sahaja?**

CH : Masjid *ni* [ini] terdiri bahan-bahanya kayu lah kayu cengal dan atap bata tanah dan dinding. Lantainya papan, dinding papan lantai papan atap tanah, bata tanah. *Tu* [itu] masa *tu* [itu] kita import di Semboro di Thailand.

**IH : Soalan seterusnya, apakah reka bentuk yang digunakan masjid ini pada awal penubuhan Masjid ini?**

CH : Reka bentuk awalnya *tiga* [3] tingkat, kemelayuan islam nusantara. Bumbung tiga tingkat.

**IH : Apakah keistimewaan yang terdapat di masjid ini?**

CH : Keistimewaan terdapat di masjid ini tidak menggunakan paku lah, tidak menggunakan paku dan buat atap bata tanah. Ukiran asalnya tidak menggunakan alat moden lah, alat-alat traditional seperti kapak, pahat, tukul, menggunakan *pasok* [pasak].

**IH : Soalan seterusnya, mengapakah ia menjadi keistimewaan masjid ini?**

CH : Istimewa masjid *ni* [ini] banyak benda benda unik berlaku di Kampung Laut dan Nilam Puri.

**TAMAT BAHAGIAN F**

## **BAHAGIAN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN**

**IH : Soalan pertama, apakah aktiviti yang selalu dilakukan di masjid ini?**

CH : Aktiviti selalu dilakukan oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] seperti pengurusan jenazah, pertandingan pertandingan azan.

**IH : Soalan seterusnya, apakah aktiviti yang wajib dilakukan di masjid ini pada setiap tahun?**

CH : Setiap tahun biasanya daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] lah, ada taklimat daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] untuk pelajar pelajar KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah, taklimat isu semasa. Dan ada juga daripada istana, Tengku Temenggung datang ke masjid untuk *semaye* [solat] dhudha berjemaah dengan masyarakat.

**IH : Soalan seterusnya, apakah sumbangan Masjid ini kepada negeri Kelantan?**

CH : Takdok apa apa sumbangan. Hanya terbuka untuk lawatan, motifnya untuk lawatan.

**IH : Seterusnya sumbangan masjid ini kepada negara Malaysia?**

CH : Jadi Masjid Kampung Laut *ni* [ini] masjid tertua di Asia, jadi pengetahuan untuk semua negara lah masjid ini dijaga oleh -- berada di negeri Kelantan, masjid yang tertua di Asia yang dijaga dalam keadaan baik sampai ke harini berumur lebih kurang *empat ratus* [400] tahun.

**TAMAT BAHAGIAN G**

## **BAHAGIAN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

**IH : Soalan pertamanya, bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap masjid ini?**

CH : Jadi penerimaan masyarakat terhadap masjid ni baiklah, dengan jagaannya dan diawasi oleh -- dijagai oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra].

**IH : Soalan seterusnya, berapa banyakkah anugerah yang diterima oleh masjid ini?**

CH : Tidak ada anugerah mana mana.

**IH : Untuk pengiktirafan *takde* [tiada]?**

CH : Untuk pengiktirafan *ni* [ini] daripada jabatan, Jabatan Warisan Negara dalam *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997].

**IH : Pengiktirafan apa *tu* [itu]? Untuk apa?**

CH : Untuk bawah jagaan muzium, terbaiklah kira.

**IH : Soalan seterusnya, adakah masjid ini pernah mendapat liputan media massa?**

CH : Masjid Kampung Laut, ramai pengunjung-pengunjung daripada wartawan daripada berita-berita daripada artikel TV3 dan daripada RTM daripada kolej MARA datang untuk buat lukisan senibina masjid. Mereka yang mengambil arkitek.

**IH : Soalan seterusnya, apakah liputan media massa pernah diadakan di masjid ini?**

CH : Ada, ada. Dibuat di atas masjid lah, panggil oleh pegawai muzium untuk buat liputan sejarah-sejarah masjid untuk dimuatkan dalam TV [televisyen] lah.

**IH : Soalan seterusnya mengapakah masjid ini mendapat liputan media massa?**

CH : Kerana masjid ini boleh dikatakan terkenal untuk negeri Kelantan amnya seluruh Malaysia lah, masjid tertua.

**TAMAT BAHAGIAN H**

## **BAHAGIAN I: PESANAN DAN HARAPAN**

**IH : Soalan pertamanya, apakah harapan cikgu terhadap masjid ini khususnya di negeri Kelantan?**

CH : Jadi harapan saya masjid supaya ini kekal lah seperti mana yang ada sekiranya pelawat-pelawat ataupun masyarakat setempat, masyarakat diluar sana supaya menjaga lah menjaga masjid dalam keadaan baik dan sentiasa membuat laporan kepada pihak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] dan kepada pihak muzium untuk membaiki dan baikpulih sekiranya ada kerosakan.

**IH : Soalan seterusnya, apakah harapan cikgu terhadap masjid ini kepada negara pada masa akan datang?**

CH : Jadi harapan saya masjid *ni* [ini] supaya negara tahu Masjid Kampung Laut yang tertua di Asia dan kekal sepertimana yang ada dan masjid ini berumur *empat ratus* [400] tahun supaya dalam keadaan baik lah.

**IH : Seterusnya, apakah cikgu berharap agar masjid ini akan dikenali sebagai ikon dalam negeri Kelantan?**

CH : Masjid Kampung Laut ikonnya baik untuk Kolej Islam Antarabangsa kerana pelawat-pelawat daripada luar mengunjung ke masjid dan dapat melihat ikon kepada KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] lah.



**IH : Soalan seterusnya, apakah cikgu berharap agar masjid ini mendapat pengiktirafan yang lebih banyak daripada kerajaan Malaysia pada masa akan datang?**

CH : Saya minta kepada masyarakat luar kerajaan Malaysia supaya mengawasi dan menjaga, baikpulihan dan keperluan diatas masjid ini.

**IH : Soalan seterusnya, adakah cikgu berharap agar pengurusan dalam masjid ini perlu dipertingkatkan pada masa akan datang?**

CH : Jadi bagi saya lah kalau boleh masjid ini adakan library di bahagian luar supaya lebih ramai lagi pengunjung atau pelajar boleh buat rujukan, buku buku sejarah, buku buku kepada masjid. Itulah harapan saya supaya pihak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] terpaksa lah menyediakan perputakaan diatas masjid.

**IH : Seterusnya, apakah penambahbaikan yang cikgu harapkan akan dipertingkatkan di masjid ini?**

CH : Penambbaikan atas masjid ni adalah dibahagian-bahagian luar, supaya tempat tangga dibahagian depan -- supaya ada tempat tempat yang selamat lah, jadi sekarang *ni* [ini] dia tak selamat mana dah, kayu reput. Tangga *tu* [itu] supaya dibaiki lah dengan seberapa segera, sayo [saya] rasa tambahanya tidak ada lah yang lain tu [itu]. Jadi untuk sedia ada *ni* [ini] kekal, kekal dalam keadaan baik.

**IH : Soalan seterusnya, apakah pesanan atau nasihat cikgu kepada orang awam tentang kepentingan Masjid ini?**

CH : Kepentingan masjid kepada orang awam, saya minta dijaga kebersihan dan keadaan sekitar kawasan masjid supaya bertanggungjawab apa apa yang ada di masjid.

**IH : Soalan seterusnya, apakah pesanan atau nasihat cikgu kepada generasi baru yang akan menguruskan masjid ini?**

CH : Saya minta generasi baru tu supaya datang lah ke masjid untuk melihat seni bina kehalusan masa dulu.

**IH : Soalan seterusnya, apakah harapan cikgu dari segi sambutan masyarakat di Kelantan terhadap masjid ini?**

CH : Sambutan masyarakat di Kelantan begitu baik sekali lah, selalu dan beberapa kali mereka datang ke masjid dan seterusnya mereka akan datang ke masjid tiap-tiap sebulan sekali ataupun setahun sekali. Jadi mereka *ni* [ini] kalau tak datang ke Masjid Kampung Laut, mereka *ni* [ini] rasa tidak senang duduk (sambil ketawa) jadi kena datang juga ke masjid.

**IH : Seterusnya, apakah nasihat atau pesanan cikgu terhadap masjid bersejarah yang lain di Kelantan yang masih tidak mendapat sambutan ramai?**

CH : Jadi Masjid Kampung Laut adalah boleh katakan ramai pengunjung datang, selain daripada masjid lain saya rasa tidak ada masyarakat dapati bersejarah.

Jadi Masjid Kampung Laut ni bersejarah lah dan daripada segi senibina nya tidak menggunakan paku.

**IH: Seterusnya, apakah yang cikgu rasa perlu ada di masjid untuk menarik minat orang ramai untuk hadir ke Masjid ini?**

CH : Jadi bagi saya banyak benda benda yang untuk menarik daripada orang ramai menyediakan bentuk bentuk ataupun alat alat lama seperti tempayan besar, gayong dan sebagainya lah, alat alat traditional sepertimana masjid ni dijadikan jadi alat tu lah yang digunakan lebih awal.

**IH : Seterusnya apakah nasihat cikgu kepada masyarakat supaya mereka hadir beramai ramai ke masjid ini?**

CH : Saya minta lah kalau boleh pihak muzium dapat penerangan untuk memberitahu kepada orang ramai supaya datang ke masjid Kampung Laut untuk membuat jagaan lah sepenuhnya dan memberi nasihat ataupun buat aktiiviti yang terbaik untuk generasi sekarang ni supaya masjid ni tidak lumpuh atau tidak tertinggal bawah warisan negara.

**IH : Seterusnya, pada pendapat cikgu, apakah aktiviti yang perlu dilaksanakan di masjid untuk mengajak orang ramai hadir ke masjid bersejarah ini?**

CH : Aktiviti yang perlu diadakan macam ni seperti membaca al-Quran ataupun sembahyang terawih hendaklah dilantik pihak KIAS supaya adakan imam yang tetap lah semasa waktu bulan puasa.

**IH : Misteri misteri yang pernah berlaku di masjid ini?**

CH : (Sambil ketawa) Misteri yang berlaku di masjid ini semasa bulan puasa, beberapa orang pelajar, dua tiga empat *ore* [orang] pelajar maso [masa] *tu* [itu] dia tertidur. Jadi tertidur lah, salah seorang nya tidak tertidur jadi turun daripada atas nuh [sana] pakai jubah lah, pakai jubah putih turun kejut yang tertidur *tu* [itu] supaya bangun solat, dia kejut yang tidur lah. Yang seorang tu nampaklah, pelajar daripada sumater, mualaf. Masa dulunya, masa masjid *ni* [ini] dibuat tiap-tiap petang atau sebelum matahari jatuh *tu* [itu], seekor angsa *ni* [ini] keliling di kawasan masjid *ni* [ini] bunyi lah (sambil buat bunyi angsa), apabila matahari jatuh dia pun hilang. Tandanya untuk panggil orang solat. *Maso* [masa] *tu* [itu] saya *takdok* [tiada] lagi, *tok* [tidak] guna speaker lagi.

**IH : Selain daripada tu?**

CH : Selain daripada tu, raja *tu* [itu] berulang alik ke Masjid Kampung Laut menggunakan gajah pada masa *tu* [itu]. Jadi gajah *tu* [itu] berulang alik ke seberang sungai *tu* dan kemudian mati gajah itu. Jadi namanya sekarang *ni* [ini] nama Jalan Gajah Mati *tu* [itu] raja berulang alik lah, bersempenakan gajah mati. Dekat jam besar *tu* [itu].

**IH : Selain daripada tu?**

CH : Seorang guru *ni* [ini] masa banjir *ni* [ini] lekat di tiang masjid sana lah ,masa banjir *tu* [itu] masa banjir besar. Jadi salah seorang tok guru Quran mengajar Masjid Kampung Laut *tu* [itu] *lekat* [sangkut] di kaki tiang Masjid hanyut sampai ke atas, dia kubur jadi kubur *tu* pecah. Jadi untuk mendapati lebih tepat lebih pasti tok guru tadi cucu dia ada di Kampung Laut. Jadi cucu mari sahkan memang tok dia lah, sahkan tok dia memang pakaian biasa baru-baru.

**IH : Ada lagi?**

CH : Dan masa - ada lagi ada sikit lagi. *Koloh* [kolah] *tu* [itu], beberapa buah *koloh* [kolah] di tapak yang asal masa banjir dua puluh empat belas [2014] tidak tenggelam air, tidak masuk air. Jadi daripada penduduk Kampung Laut bagitahu saya dia kata tok [tidak] masuk air, memang tengelam dah.

### **TAMAT BAHAGIAN I**

Demikian tadi temubual mengenai sejarah penubuhan Masjid Kampung Laut yang ditubuhkan pada ke-19 sehingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

## RUJUKAN

(Hussin bin Hassan, personal communication, April 21, 2019)

Masjid Kampung Laut, Nilam Puri. (2015, December 18). Retrieved March 18, 2019, from  
<http://www.mdketereh.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/masjid-kampung-laut-nilam-puri>

Masjid Kampung Laut. (2016, January 11). Retrieved March 28, 2019, from  
<http://mdtumpat.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/masjid-kampung-laut>

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Muhammad Ikmal Hanif menemubual Encik Hussin bin Hassan yang dilahirkan pada tahun 1952, di Kampung Ubudiyah, Ketereh, Kelantan. Temubual ini dijalankan di Masjid Kampung Laut di Nilam Puri, Kelantan mengenai sejarah masjid Kampung Laut.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG</b>		
1.08	Usia sekarang	67 tahun
	Tempat tinggal	Kampung Ubudiyah, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.
2.16	Nama ibu dan bapa beliau	Maiunah binti Che Hassan, Hassan bin Che Kah
2.38	Bilangan adik-beradik	Tujuh orang
2.46	Anak yang ke berapa	Anak ke lima
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
3.02	Mendapat pendidikan awal	Sekolah Rendah Machang
	Nama sekolah menengah	Sekolah Menengah Tanah Merah
4.27	Pengajian diperingkat tertinggi	Tidak menyambungkan pelajaran beliau atas sebab-sebab tertentu.



**BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI**

4.53	Pekerjaan pertama Tahun mula bekerja	Berniaga secara kecil-kecilan Pada tahun 1974
5.51	Jawatan disandang	Berkhidmat sebagai guru di ITM
6.59	Jumlah tahun berkhidmat	Telah berkhidmat selamat 14 tahun. Dari tahun 1974 sehingga 1988
8.25	Penglibatan dengan Masjid Kampung Laut	Ditawarkan untuk menjadi penjaga masjid oleh pihak muzium

**BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN**

10.45	Tahun ditubuhkan Sebab penubuhan	Tiada tercatat didalam sejarah Malaysia. Kapal alim ulama telah bocor lalu salah seorang daripada mereka bernazar, sekiranya selamat sampai ke tebing, mereka akan membina sebuah masjid disitu.
14.15	Orang yang terlibat dalam pembinaan masjid	Para alim ulama yang bernazar, tukang seni halus dan juga penduduk kampung.
17.06	Masa yang diambil untuk membina masjid	Pada tahun 1969 dan siap pada tahun 1970.
18.45	Tahun berpindah lokasi	Telah berpindah lokasi pada tahun 1968.

19.17	Keluasan tapak baru masjid	Hampir suku ekar
21.40	Bahan yang digunakan untuk membina masjid	Menggunakan kayu cengal dan juga bata merah.
	Bahan yang digunakan untuk membina lantai	Kayu cengal
<b>BAHAGIAN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN</b>		
29.22	Bila masjid ini beroperasi kepada orang ramai	Masjid ini beroperasi selama 24 jam. Tiada waktu tutup atau buka.
31.26	Simbol utama masjid	Menjadi masjid yang tertua di Kelantan, tidak menggunakan sebarang paku. Hanya menggunakan pasak dan tingkap tidak mempunyai engsel.
46.59	Jumlah jemaah didalam masjid	Dalam anggaran 300 hingga 400 jemaah
	Kelengkapan yang ada di masjid	Mendapat tajaan daripada seorang doktor di Johor. Beliau menyediakan air tapis dan karpet untuk keselesaan pengunjung.  Mempunyai kipas dan air kolah adaah daripada air yang telah ditapis.

**BAHAGIAN F: REKA BENTUK BANGUNAN**

1.05.08	Pengubahsuaian masjid	Tidak ada perubahan. Sama sahaja seperti seni bina yang terdahulu, kecuali dibahagian hadapan masjid. Di bahagian ibu, mengekalkan ciri bumbung tiga tingkat.
1.06.10	Ciri-ciri tersendiri rekaan masjid	Mempunyai rekaan tersendiri. Mengekalkan seni halus daripada zaman dahulu.
1.08.15	Keistimewaan yang terdapat pada masjid	Tidak menggunakan sebarang paku dan juga tidak menggunakan sebarang peralatan moden dan masih menggunakan pasak.

**BAHAGIAN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN**

1.09.38	Aktiviti yang selalu diadakan	Aktiviti dikendalikan oleh pihak KIAS. Aktiviti yang diadakan adalah pengurusan jenazah dan juga pertandingan azan.
1.10.19	Aktiviti wajib setiap tahun	MAIK selalu mengadakan aktiviti tahunan di masjid ini seperti taklimat untuk pelajar-pelajar KIAS berkaitan isu semasa. Masjid ini juga menerima tetamu daripada istana dan tengku temenggung selalu menunaikan solat dhuha berjemaah bersama dengan masyarakat setempat setiap tahun.

**BAHAGIAN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

1.12.40	Penerimaan masyarakat terhadap masjid	Penjagaan masjid diaga oleh pihak KIAS. Masyarakat menerima baik dan sama-sama menjaga masjid ini.
1.13.18	Anugerah yang telah diterima oleh masjid	Tidak mendapat apa-apa anugerah khas. Jabatan Warisan Negara telah memberi pengiktirafan jagaan terbaik dibawah muzium.
1.14.18	Liputan media massa	Mendapat banyak liputan daripada wartawan dan pemberita daripada tv3 dan RTM.

**BAHAGIAN I: PESANAN DAN HARAPAN**

1.20.42	Penambahbaikkan dipertingkatkan di masjid ini	Penambahbaikkan perlu dibuat dibahagian luar masjid iaitu dibahagian tangga kerana sudah mula reput.
1.21.46	Pesanan atau nasihat kepada orang awam	Menjaga kebersihan kawasan sekitar masjid dan bertanggungjawab menjaga masjid.
1.21.55	Harapan dari segi sambutan masyarakat	Berharap agar masyarakat selalu datang ke Masjid Kampung Laut walaupun hanya sebulan sekali.
1.26.05	Aktiviti yang perlu dilaksanakan	Antara aktiviti yang perlu dilakukan di masjid ini adalah bacaan al-Quran dan solat terawih. Meminta pihak KIAS menetapkan imam pada bulan puasa

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
3:00 ptg - 5:00 ptg	21 March 2019	<p>Pergi ke lokasi Masjid Kampung Laut.</p> <p>Membuat panggilan telefon kepada penjaga masjid untuk kali pertama dan meminta untuk berjumpa dengan beliau.</p> <p>Membincangkan tentang temubual yang akan dijalankan dan menetapkan tarikh temubual tersebut pada tarikh 11 April 2019.</p>	<p>Menyediakan surat rasmi untuk menebual penjaga masjid.</p> <p>Cuba membuat panggilan kepada bekas penjaga masjid sebaik sahaja mendapat maklumat tentang beliau.</p>
12:00 tgh hri	3 April 2019	<p>Panggilan telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon kepada penjaga masjid untuk menunda tarikh dan masa untuk menebual.</p>	<p>Membuat panggilan telefon kepada penjaga masjid.</p>
9:00 pagi	9 April 2019	<p>Berjumpa dengan pensyarah</p> <p>Berunding dengan pensyarah berkaitan dengan soalan yang akan diajukan kepada penemubual.</p>	<p>Berjumpa dengan pensyarah.</p> <p>Membaiki soalan yang telah dibetulkan oleh pensyarah.</p>

4:00 ptg	16 April 2019	<p>Panggilan telefon</p> <p>Menelefon penjaga masjid untuk menetapkan tarikh baru untuk menebual.</p> <p>Setuju dengan tarikh yang telah ditetapkan.</p>	<p>Penjaga masjid memberi jawapan dan bersedia untuk ditemuramah.</p> <p>Mengemaskini soalan-soalan yang bakal diajukan kepada penjaga masjid.</p>
11:30 pagi - 2:30 ptg	21 April 2019	<p>Perjumpaan sewaktu temuramah berlaku didalam kawasan Masjid Kampung Laut bersama dengan Encil Hussin.</p>	<p>Menyampaikan sedikit cenderahati kepada penjaga masjid tersebut sebagai tanda penghargaan.</p>

# SOALAN

## Soalan-soalan temubual bersama Hussin bin Hassan

### 1.0 Latar belakang

- 1) Apakah nama penuh encik?
- 2) Apakah nama panggilan atau nama samaran encik?
- 3) Dimanakah tempat encik dilahirkan?
- 4) Bilakah encik dilahirkan?
- 5) Dimanakah encik dibesarkan?
- 6) Dimanakah encik menetap sekarang?
- 7) Apakah nama ibu dan bapa encik?
- 8) Berapakah bilangan adik-beradik encik?
- 9) Encik anak yang ke berapa?

### 2.0 Sejarah pendidikan

- 1) Dimanakah encik mendapat pendidikan awal sekolah rendah?
- 2) Pada tahun berapakah encik tamat sekolah rendah?
- 3) Dimanakah encik bersekolah menengah?
- 4) Adakah encik menyambung pelajaran diuniversiti selepas tamat sekolah?

### 3.0 Kerjaya terkini

- 1) Apakah pekerjaan pertama encik?
- 2) Pada umur berapakah encik mula bekerja?
- 3) Apakah jawatan yang disandang oleh encik?
- 4) Adakah encik berasa gembira dengan pekerjaan encik masa itu?
- 5) Berapa lamakah encik berkhidmat di tempat kerja encik?
- 6) Adakah encik mempunyai pekerjaan lain pada masa itu?
- 7) Pada tahun berapa encik berhenti berkhidmat?
- 8) Bagaimanakah encik boleh terlibat dengan Masjid Kampung Laut?
- 9) Siapakah idola encik pada masa itu?
- 10) Mengapakah encik menjadikan beliau sebagai idola encik?

#### 4.0 Sejarah bangunan

- 1) Mengapakah masjid ini ditubuhkan?
- 2) Pada tahun berapa masjid ini dibina?
- 3) Apakah masjid ini mempunyai nama lain?
- 4) Dimanakah lokasi sebenar masjid ini?
- 5) Siapakah yang terlibat dengan pembinaan masjid ini?
- 6) Mengapakah masjid ini dipindahkan kesini?
- 7) Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan masjid ini?
- 8) Pada tahun berapakah masjid ini berpindah lokasi?
- 9) Berapakah keluasan tapak masjid baru ini setelah berpindah lokasi?
- 10) Mengapakah lokasi ini menjadi pilihan untuk memindahkan masjid ini?
- 11) Apakah masalah atau halangan yang dihadapi semasa membina masjid ini?
- 12) Apakah bahan yang digunakan untuk membina masjid ini?
- 13) Apakah bahan yang digunakan untuk membina lantai masjid ini?
- 14) Siapakah yang memberi idea untuk memindahkan masjid ini?
- 15) Siapakah yang merasmikan masjid ini?
- 16) Bilakah masjid ini dirasmikan?
- 17) Dari manakah nama masjid ini berasal?
- 18) Berapakah kos yang diperlukan bagi membina masjid ini?
- 19) Apakah objektif awal penubuhan masjid ini?
- 20) Apakah misi dan visi untuk dicapai oleh masjid ini?
- 21) Apakah terdapat bangunan lain yang berada dikawasan ini sebelum masjid ini dibina?

#### 5.0 Maklumat lain mengenai bangunan

- 1) Pada tahun berapa masjid ini mula beroperasi kepada orang ramai?
- 2) Berapakah kos pembayaran elektrik masjid ini setiap bulan?
- 3) Berapakah kos pembayaran air masjid ini pada setiap bulan?
- 4) Adakah terdapat kos-kos yang lain?
- 5) Siapakah yang membayar kos-kos ini semua?
- 6) Apakah yang menjadi simbol utama pada masjid ini?
- 7) Siapakah yang bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan masjid ini?
- 8) Siapakah ahli jawatankuasa tertinggi di masjid ini?



- 9) Mengapakah mereka dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi?
- 10) Berapa ramai petugas yang bertugas untuk menjaga masjid ini?
- 11) Adakah setiap orang yang bertugas memiliki tugas yang berbeza?
- 12) Berapakah pembayaran gaji yang dibuat oleh pihak muzium negeri kepada setiap petugas masjid ini?
- 13) Selain menjadi tempat bersejarah, apakah fungsi masjid ini kepada orang ramai?
- 14) Adakah terdapat fasiliti dan bangunan lain yang ada di masjid ini?
- 15) Adakah masjid ini sepenuhnya dimiliki oleh muzium negeri atau kerajaan negeri?
- 16) Adakah masjid ini pernah mengalami kerosakkan seperti kebocoran bumbung dan lain-lain?
- 17) Berapakah jumlah jemaah yang boleh dimuatkan dalam masjid ini pada satu masa?
- 18) Berapa ramai anggaran jemaah yang datang ke masjid pada setiap hari?
- 19) Pada waktu manakah bilangan jemaah datang ke masjid paling ramai?
- 20) Pernahkah ada sesiapa yang mempersoalkan tentang kewujudan masjid ini? Ini kerana kebanyakan orang tidak tahu tentang sejarah masjid ini?
- 21) Pernahkah masjid ini mengalami kerosakkan teruk ketika bencana alam berlaku?
- 22) Adakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika bencana alam berlaku?
- 23) Siapakah yang menguruskan masjid jika berlaku bencana?
- 24) Pernahkah masjid ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau lain-lain faktor yang berkaitan?
- 25) Pihak manakah yang menguruskan petugas-petugas di masjid ini bagi menjalankan kerja dengan teratur?
- 26) Pernahkah masjid ini dipecah masuk oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pencuri?
- 27) Pernahkah berlaku kes penggelapan wang atau pecah amanah oleh ahli jawatankuasa masjid ini sendiri?
- 28) Pernahkah masjid ini berlaku pengubahsuaian atau penambahan bagi ruang dalam masjid ini?
- 29) Adakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam masjid ini?
- 30) Adakah masjid ini mempunyai kelengkapan yang cukup bagi memastikan keselesaan penungjung?

## **6.0 Reka bentuk bangunan**

- 1) Adakah reka bentuk masjid ini telah diubah suai?
- 2) Adakah masjid ini mempunyai reka bentuk tersendiri?
- 3) Adakah masjid ini dibina berasaskan kayu dan papan sahaja?
- 4) Apakah reka bentuk yang digunakan oleh bangunan masjid ini pada awal penuguhan?
- 5) Apakah keistimewaan yang terdapat pada masjid ini?
- 6) Mengapakah ia menjadi keistimewaan di masjid ini?

## **7.0 Aktiviti dan perkhidmatan**

- 1) Apakah aktiviti yang selalu diadakan di masjid ini?
- 2) Apakah aktiviti wajib yang dilakukan di masjid ini pada setiap tahun?
- 3) Apakah sumbangan masjid ini kepada negeri Kelantan?
- 4) Apakah sumbangan masjid ini kepada negara?

## **8.0 Maklumat penganugerahan dan kejayaan**

- 1) Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap masjid ini?
- 2) Berapa banyak anugerah yang telah diterima oleh masjid ini?
- 3) Apakah anugerah yang pernah diterima?
- 4) Adakah masjid ini pernah mendapat liputan media massa?
- 5) Adakah liputan media massa pernah diadakan di masjid ini?
- 6) Mengapakah masjid ini mendapat liputan media massa?

## 9.0 Pesanan dan harapan

- 1) Apakah harapan encik terhadap masjid ini masyarakat khususnya di negeri Kelantan?
- 2) Apakah harapan encik terhadap masjid ini kepada negara pada masa akan datang?
- 3) Apakah encik berharap agar masjid ini akan dikenali sebagai ikon dalam negeri Kelantan?
- 4) Apakah encik berharap agar masjid ini mendapat pengiktirafan yang lebih banyak daripada kerajaan Malaysia pada masa akan datang?
- 5) Adakah encik berharap agar pengurusan masjid ini perlu dipertingkatkan pada masa akan datang?
- 6) Apakah penambahbaikan yang encik harapkan dipertingkatkan di masjid ini?
- 7) Apakah pesanan atau nasihat encik kepada generasi baru yang akan menguruskan masjid ini?
- 8) Apakah harapan encik dari segi sambutan masyarakat di Kelantan terhadap masjid ini?
- 9) Apakah nasihat atau pesanan encik terhadap masjid bersejarah yang lain di Kelantan yang masih tidak mendapat sambutan ramai?
- 10) Apakah yang encik rasa perlu ada di masjid untuk menarik minat orang ramai untuk hadir ke masjid ini?
- 11) Apakah nasihat encik kepada masyarakat supaya mereka hadir beramai-ramai ke masjid ini?
- 12) Pada pendapat encik, apakah aktiviti yang perlu dilaksanakan di masjid untuk mengajak orang ramai hadir ke masjid bersejarah ini?
- 13) Misteri-misteri yang pernah berlaku di masjid ini?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK HUSSAM BIN HASSAN Pada 21 APRIL 2019.

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 21 APRIL 2019 (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan


## GAMBAR



*Gambar 1: Selepas selesai temubual bersama Encik Hussin bin Hassan*



*Gambar 2: Gambar ketika mempunyai lawatan dari sekolah*



*Gambar 3: Gambar kubah Masjid Kampung Laut*



*Gambar 4: Gambar menara azan Masjid Kampung Laut*

# INDEKS

## A

Angsa, 40  
Asia, 13, 16, 33, 36

## C

Cengal, 12, 24, 30

## G

Gajah, 40  
*Grill*, 24

## K

Kapak, 31  
KIAS, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 23,  
29, 32, 34, 36, 37, 39  
Kolah, 25, 29, 41

## M

MAIK, 7, 14, 18, 22, 34  
Masjid Kampung Laut, 2, 6, 8, 9, 13, 33,  
36, 38, 40, 41  
Media massa, 16

## N

Nusantara, 30

## P

Pahat, 31  
Pasak, 16

## R

*Rudder*, 24  
Rumbia, 8

## S

Simbol, 16, 22  
Sisip, 23, 34

## T

Tukul, 31

## U

Ulama', 8, 10, 14  
Universiti,, 4



Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)  
 Tarikh : 18 April 2019

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
 KELANTAN**

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	MUHAMMAD IKMAL HANIF BIN MOHD HAMIDI	2017346489
2	RABI'ATUL ADAWIAH BINTI ZAINUSSUBHI	2017338275

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT** dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MUHAMMAD IKMAL HANIF BIN MOHD HAMIDI** di talian **0172272348**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar  


**PROF MADYA DR ZULKIFLI BIN MOHAMED P.S.K**  
 Timbalan Rektor (Akademik)  
 b.p Rektor

